

05 JUN 1996

Mahathir-RMK-7

KADAR PERTUMBUHAN TUJUH PERATUS SETAHUN MEMADAI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah menjadi harapan kerajaan agar Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) yang dilancarkan baru-baru ini menghasilkan kadar pertumbuhan tujuh peratus setahun di bidang ekonomi dan pembangunan negara.

"Dalam menggubal RMK-7, bukanlah hasrat kerajaan untuk mencapai ramalan kejayaan yang tinggi," katanya pada majlis makan malam Unit Perancang Ekonomi (EPU) sempena Pelancaran RMK-7 di sebuah hotel di sini, malam ini.

Dr Mahathir yakin sekiranya tahap pertumbuhan ekonomi itu dapat dikekalkan pada paras berkenaan, aspirasi dan cita-cita menuju Wawasan 2020 akan segera tercapai.

Beliau gembira kerana setakat ini Malaysia berjaya melaksanakan semua rancangan pembangunan negara yang dirancang sebelum ini dengan memuaskan tanpa sebarang kegagalan, katanya.

"Bagi pihak kerajaan, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada EPU yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan baik dalam merangka RMK-7 dan juga rancangan-rancangan sebelumnya," katanya.

Beliau berkata, kerajaan amat bangga dengan prestasi dan kemampuan EPU dan berharap ia akan terus mengadakan semakan dan kajian bagi memastikan segala rancangan yang dibuat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Perdana Menteri berkata EPU dikenali di banyak negara di seluruh dunia berdasarkan kepada taklimat-taklimat yang diberikan kepada pemimpin asing yang melawat negara ini di samping bantuan latihan yang diberikan kepada para pegawai mereka.

"Banyak negara yang mempunyai unit perancangnya sendiri yang ingin mencontohi Malaysia. Ini jelas terbukti dengan kecekapan mereka merangka pembangunan negara masing-masing selepas mempelajari kaedahnyanya dari kita," kata beliau.

"Kejayaan ini membuat kita merasakan seolah-olah negara lain tidak mampu menghasilkan rancangan pembangunan seperti yang Malaysia lakukan. Negara lain ada juga rancangan tetapi tidak mampu melaksanakannya," katanya lagi.

Dr Mahathir berkata kejayaan itu menjadikan Malaysia bukan lagi sebuah negara membangun yang mundur, tetapi sebuah negara membangun yang maju.

Menurut Perdana Menteri, RMK-7 serupa seperti rancangan-rancangan lima tahun terdahulu yang menentukan arah tuju kerajaan untuk membangunkan negara.

"Sebenarnya sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem pasaran terbuka, Malaysia tidak memerlukan rancangan lima tahun seperti yang dilaksanakan," tegasnya.

Beliau berkata, negara-negara maju seperti New Zealand, Australia, Britain dan Amerika Syarikat tidak mempunyai rancangan seumpamanya dan mungkin mereka tidak terlintas langsung melaksanakannya disebabkan mereka percaya pembangunan negara akan berjalan sendiri tanpa bantuan kerajaan.

"Tetapi Malaysia adalah sebuah negara pragmatis yang boleh mendatangkan hasil," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 17 petugas EPU bagi tahun 1995. Hadir sama ialah Ketua Pengarah EPU, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman.

-- BERNAMA

ZAB PR